

# INTAN DENGAN PERALIHAN BARU MEMANDANG KE TIMUR...



DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI

"INTAN telah memberi suatu sumbangan besar ke arah meningkatkan kecakapan dan daya pengelirahan dalam perkhidmatan awam. INTAN telah berkembang daripada sebuah institusi kecil kepada sebuah yang besar sebagai satu 'response' kepada keperluan latihan untuk pegawai dan kakitangan kerajaan.

Sebagai sebuah pusat latihan, INTAN mesti sentiasa 'sensitif' terhadap segala perubahan yang sedang berlaku dalam negara, terutama dari segi dasar yang menentukan secara langsung pentadbiran dan perkhidmatan awam, dan

SEMPENA sambutan ulang tahun ke-50 INTAN, Buletin INTAN mengadakan suatu wacana khas dengan Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, untuk mendapatkan pandangannya mengenai INTAN. Datuk Abdullah adalah menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara berkaitan Jabatan Perkhidmatan Awam termasuk INTAN. Datuk Abdullah mempunyai suatu kedudukan istimewa memberi pandangan seperti ini kerana beliau pernah menjadi seorang pegawai perkhidmatan awam, dan kini seorang tokoh politik. Dengan itu dapatlah beliau membandingkan persepsi kedua-dua pihak ini.

Berikut adalah ucapan Datuk Abdullah khusus bagi maksud tersebut:


Juga dasar-dasar yang berhubung dengan arah dan tujuan pembangunan negara kita. Ini mestilah dibicarakan; kalau tidak, apa yang akan berlaku ialah kemahiran ada disampaikan kepada orang-orang yang sepatutnya, tetapi motivasi, ia tidak pula secekok dengan apa yang diharapkan.

Di bawah pimpinan 2M ini, gaya pentadbiran dan juga dasar telah berubah. Satu perkara yang sangat menyentuh perkhidmatan awam ialah dasar "Pandang ke Timur". Ini bertujuan untuk kita belajar dari pengalaman Jepun dan Korea tentang cara-cara bekerja, menyusun sistem-sistem bagi melahirkan

satu usaha yang emas, cekap dan tinggi daya pengelirahan untuk mencapai kejayaan pesat dalam masa yang singkat-singkatnya. Inilah yang merupakan inti-pati dasar "Pandang ke Timur" itu, kerana negara-negara tersebut telah membuktikan kejayaannya, masih dinamik dan belum nampak tanda-tanda



● DATUK Seri Dr. Mahathir merasmikan semiaran pegawai-pegawai kanan di INTAN pada tahun 1977.



● CONTOH kampus baru INTAN yang diwujudkan pada tahun depan di Kuala Lumpur.

'decadence' malah mereka masih inovatif dan mengikut maju. Mereka telah dan sedang meneroka cara-cara baru bagi meningkatkan lagi mutu perusahaannya mereka dalam berbagai bidang.

Kita sangat sedar bahawa malamat pembangunan negara kita ditetapkannya sedikit sebanyak mengikut Dasar Ekonomi Baru yang objektifnya kita ingin capai pada tahun 1990, kini tinggal hanya satu tahun lagi, dan dalam konteks pembangunan negara 8 tahun merupakan tempoh yang singkat. Kerajaan kita pula telah berjanji kepada rakyat untuk mewujudkan kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Jadi kedua-dua objektif ini memang ada kaitannya.

Yang pertama ialah objektif dasar pembangunan negara, yang kedua merupakan kaedah supaya kerajaan kita itu bersih serta cekap dan amanah untuk menjamin usaha yang mempunyai nilai yang tinggi.

Pada hakikatnya kita perlu ada peraturan dan cara-cara bekerja, kita perlu menentukan sikap dan etika bagi kerja yang kita jalankan. Jadi kita perlu cari contoh dan pengalaman dari Jepun dan Korea. Dalam konteks ini suatu perkara yang sensitif dan terdapat dalam latihan ialah pembentukan sikap yang sensitif dan menepati kehendak dasar baru ini. Adalah diharapkan INTAN dapat menghasilkan satu perubahan yang cepat ke arah itu kerana kita perlu tenaga pekerja yang cekap, bersih dan

amanah di semua peringkat, dan yang mempunyai motivasi, minat dan daya pengelirahan yang tinggi. Tenaga pekerja seperti ini perlu dilahirkan dalam latihan, sama ada latihan pra-perkhidmatan atau dalam perkhidmatan. INTAN peranan memberi latihan dalam perkhidmatan adalah lebih penting.

## Era baru

Saya juga telah mengarahkan supaya diadakan hubungan antara INTAN dengan institusi-institusi yang serupa peranan seperti INTAN di Jepun dan Korea. Saya percaya dengan interaksi yang akan wujud, ia akan membawa kesan yang baik. Dalam konteks dasar baru dan gaya baru ini, INTAN akan memasuki era baru.

Selapa 10 tahun yang pertama ini, 10 tahun yang kedua bukan sahaja berbeza dari segi jangka masa tetapi dari segi peranan dan orientasi, dan kerana itu INTAN akan lebih berambitious dan besarnya.

Satu perkara yang perlu bagi INTAN untuk memenuhi kehendak era baru ini ialah menyediakan tenaga jurutalinya dari kalangan pegawai-pegawai yang mempunyai kebolehan tinggi. Yang paling penting kejayaan rancangan latihan bermula dengan kejayaan institusi ini dan menyediakan jurutalinya yang berkebolehan bagi institusi itu."

Selapa mendapat utusan di atas ini, Buletin INTAN sempat

mengekalkan beberapa soalan kepada Datuk Abdullah, dan jawapan-jawapannya menolok menjelaskan beberapa isu penting bagi INTAN.

Pertamanya beliau berpendapat INTAN telah mengorot ke langkah yang betul dengan mulyanya memberi perhatian kepada aktiviti latihan di luar bilik darjah. Beliau berpendapat ini patut diperluaskan lagi. Di samping itu beliau berpendapat adalah berfaedah kiranya INTAN menambahkan libatan tokoh-tokoh politik, akademik dan pihak swasta dalam program-program INTAN. Ini bertujuan untuk mempelbagaikan 'intellectual input' kepada program-program INTAN.

Beliau setuju dengan tindakan INTAN membuka program-programnya kepada peserta luar negeri. Tumpuan hendaklah diberi kepada peserta dari negara-negara kurang maju terutama dari Pasifik Selatan, dan peserta-peserta hendaklah meliputi juga pegawai-pegawai tertinggi sebagai suatu usaha ke arah 'intellectual exchange'. Bahkan beliau berpendapat sangat kena kiranya INTAN berusaha ke arah mencapai taraf recognition sebagai suatu 'venue' antarabangsa yang terkenal dalam bidang pembangunan pengurusan awam.

Beliau tidak nampak bagaimana keadaan organisasi yang meleset sekarang boleh menjitakan peranan INTAN. Malahan dalam keadaan ekonomi yang begini INTAN mempunyai peranan yang penting sekali, mem-

bantu mengkapalkan pegawai-pegawai kerajaan tersebut dan mendepan mereka ke dalam masa yang akan datang.

Pada tahun 1977, beliau mengataskannya. Pada tahun 1978, beliau rancangan latihan INTAN tidak perlu dikurangkan, hanya dirangka semula keutamaan dan tekanannya supaya sesuai dengan keperluan semasa.

## Meliputi

Beliau seterusnya berpendapat bahawa latihan bagi pegawai-pegawai kerajaan tidak semestinya memakan belanja yang besar. Malah, tidak perlu sangat pada masa ini mengantar ramai pegawai berurus di luar negeri, kerana telah cukup wujud banyak kepakaran di dalam negeri untuk memenuhi keperluan seperti ini. Selain dari universiti tempatan, INTAN dan pegawai-pegawai kerajaan yang telah mengikuti kursus Ph.D. dan Masters boleh dikehendak untuk mauladul.

Akhirnya beliau berpendapat bahawa INTAN telah mencapai banyak kejayaan setakat ini. Walaupun begitu ia boleh dibina lagi. Usaha dari segi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan adalah nyata, tetapi lebih perhatian patut diberikan kepada perwujudan sikap dan semangat.

Wacana ini dibuat pada 15 Julai 1982 oleh Ketua Pengarah Buletin INTAN bersama seorang anggota 512 Angkatan Pengarah Encik Surjit Singh, dan seorang pegawai INTAN, Encik Ibrahim Haji Hamzah. ■

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia



● SEBAHAGIAN peserta yang mengikuti kursus INTAN pada tahun 1978.